

Mesin gali terowong MRT tiba Januari

» *Jentera keluaran firma Jerman bagi kerja mengorek dari Semantan ke Maluri*

Mona Ahmad
mona@bharian.com.my

► Schwanau, Jerman



Dua daripada 10 Mesin Pengorek Terowong (TBM) untuk pelaksanaan projek Aliran Transit Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang dijangka tiba di Malaysia Januari ini.

Itu adalah untuk memulakan kerja penggalian terowong dari kawasan Cochrane, Kampung

Pandan hingga ke Pasar Rakyat di ibu negara.

Mesin yang bernilai RM45 juta setiap satu itu mengambil masa kira-kira sembilan bulan untuk siap dibina, dua bulan bagi tempoh penghantaran dan tiga bulan pemasangan semula bakal digunakan bagi mengorek kawasan bawah tanah sepanjang 9.5 kilometer dari Semantan ke Maluri.

Lebih menarik enam daripada 10 TBM itu ialah mesin Mesin Pembolehkan Ketumpatan, manakala dua lagi Mesin Keseimbangan Tekanan Bumi.

Tangani masalah geologi Lembah Klang

Keenam-enam mesin itu kali pertama direka seumpamanya oleh syarikat pengeluarannya, Herrenknecht AG yang berpangkalan di Schwanau, selatan Jerman bagi menangani masalah keadaan geologi Lembah Klang yang dipenuhi batu kapur karst dan Formasi Kenny Hill.

Pengarah Projek MMC-Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd, Satpal S Bhogal, berkata pengalaman daripada penggalian Terowong SMART sebelum ini mendapati TBM biasa yang digunakan dalam kerja penggalian itu tidak mampu menangani masalah lubang besar dan pancutan lumpur yang dikeluarkan mesin itu ketika kerja pengorekan terowong.

“Mesin Pembolehkan Ketumpatan ini mampu mengawal ketumpatan lumpur yang keluar hasil daripada kerja membina terowong yang sekali gus dapat menangani masalah yang pernah berlaku dalam projek menggali terowong di kawasan batu kapur karst,” katanya kepada pemberita sempena majlis penyempurnaan Ujian Penerimaan Pengilangan (FAT), di Schwanau, Jerman, semalam.

FAT dikendalikan jurutera daripada Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) dan kontraktor kerja



Satpal S Bhogal

bawah tanah, MMC-Gamuda KVMRT (T) Sdn Bhd dan pengeluar TBM, Herrenknecht AG.

Majlis itu disempurnakan bersama pemilik syarikat pengeluar TBM itu, Dr Martin Herrenknecht AG dan Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp, Amir Mahmood Razak.

Projek yang dijangka siap 2017 itu merangkumi laluan sejauh 51 kilometer dari Sungai Buloh ke Kajang melalui 31 stesen dengan laluan bawah tanah sejauh 9.5 kilometer dengan tujuh stesen.

Bhogal berkata sebaik selesai projek penggalian terowong bawah tanah itu, TBM akan digunakan untuk projek lain atau dileraikan.